




الجامعة الإسلامية
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Sarawak
Kampus Mukah



Inou Dengah UiTM Mukah?

5th Issue | VOLUME 1 : JULY 2026

UiTM *di hatiku*

BULLETIN



EDITORIAL BOARD

MEET THE TEAM

**PROFESSOR DR.
FIRDAUS
ABDULLAH**
Patron



**DR. ABDUL JABBAR
ABDULLAH**
Advisor

**MS. SITI FARIDAH
KAMARUDDIN**
Chief Editor



**MS. STEFANIE NATASHA
RICH JOSEPH**
MS. FAKHIRA JAFRI
MS. CINDY ROBERT
MRS. NUR NADIA QAUSAR JUHARI
MS. SHIRLEY CLARE JERI
Editors



**MR. MUHAMMAD
ANAS ABDUL
RAZAK**
Records & Archives



MRS. IRENE SELUROH
Layout & Design
MR. SHILEYUSKEN MIJEN
Webmaster
**MR. ANAS ASRAWY
PENDAPAT**
Photographer



**MR. ERICKSON GRAVESENT
MUZIDI**
Internship Trainee



Published by:

Corporate Communication Unit, UiTM Mukah Campus

eISSN : 2976-257X

Published Date : 7 July 2026

NEWS AND ARTICLES

ESKU 2026 UiTM Cawangan Sarawak Bantu Lepasan SPM Rancang Masa Depan Pendidikan

Penulis: Muhamad Nasarudin Sulaiman, Muhamad Syukrie Abu Talip dan Ruwaida Asyikin Abu Talip

Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Sarawak terus komited membantu lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan merancang hala tuju pendidikan tinggi menerusi penganjuran Ekspo Selangkah ke UiTM (ESKU) Cawangan Sarawak yang berlangsung selama dua hari di Dewan Jubli, UiTM Cawangan Sarawak, Kampus Samarahan 1.

Program yang berlangsung pada 4 hingga 5 April 2026 itu diadakan susulan pengumuman keputusan peperiksaan SPM pada 31 Mac lalu, sekali gus menjadi platform terbaik kepada para pelajar dan ibu bapa untuk mendapatkan maklumat berkaitan peluang melanjutkan pengajian ke UiTM.

Ekspo tersebut mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada lepasan SPM di seluruh Sarawak yang hadir bagi mendapatkan pendedahan secara langsung mengenai pelbagai program pengajian yang ditawarkan di UiTM.

Sepanjang ekspo berlangsung, pengunjung berpeluang berinteraksi secara terus dengan wakil fakulti, pakar akademik serta pegawai pengambilan pelajar bagi mendapatkan khidmat nasihat berkaitan program pengajian, syarat kemasukan dan laluan kerjaya yang bersesuaian dengan minat serta keputusan akademik masing-masing.

Menurut pihak penganjur, ESKU bukan sahaja bertujuan memperkenalkan program pengajian UiTM, malah membantu pelajar membuat keputusan yang lebih tepat dalam menentukan masa depan pendidikan mereka.

"Ramai pelajar masih keliru dalam memilih bidang pengajian selepas SPM. Melalui ekspo ini, mereka dapat memahami dengan lebih jelas tentang program yang sesuai berdasarkan kecenderungan dan potensi diri," ujar Encik Muhamad Syukrie yang merupakan salah seorang wakil akademik yang terlibat.

Pelbagai reruai pameran daripada fakulti dan pusat pengajian turut disediakan bagi memberi gambaran menyeluruh mengenai pengalaman pembelajaran di UiTM, termasuk peluang pembangunan pelajar, kemudahan kampus dan prospek kerjaya selepas tamat pengajian. Selain itu, ibu bapa yang hadir turut mengambil kesempatan untuk bertanyakan secara terus mengenai bantuan kewangan, kemudahan kolej kediaman dan peluang tajaan pengajian yang layak ditawarkan kepada bakal mahasiswa.

Seorang pengunjung, Nur Aisyah Abdullah, pelajar lepasan SPM 2026 dari Serian, menyifatkan program tersebut sangat membantu dalam membuat pilihan pengajian. "Sebelum ini saya masih belum pasti bidang yang ingin dipilih, tetapi selepas mendapat penerangan daripada pensyarah dan wakil fakulti, saya lebih yakin untuk menyambung pengajian di UiTM," katanya. Penganjuran ESKU ini secara tidak langsung mencerminkan usaha berterusan UiTM Cawangan Sarawak dalam mendekati masyarakat dan memperkukuh peranannya sebagai institusi pendidikan tinggi yang relevan, inklusif dan berdaya saing.

Dengan tema semangat untuk melangkah ke masa depan yang lebih cemerlang, UiTM terus menyeru lepasan SPM agar menjadikan universiti tersebut sebagai destinasi pilihan utama dalam membina kerjaya dan mencapai impian pendidikan tinggi.

"Jadikan UiTM Pilihan No. 1 Anda!"

Published by:

Corporate Communication Unit, UiTM Mukah Campus

eISSN : 2976-257X

Published Date : 7 July 2026



Telephone/Fax

084-876100/084-876300



Email Address

korporat_swk@uitm.edu.my



Website

<https://sarawak.uitm.edu.my/>



Address

**Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Cawangan Sarawak Kampus Mukah,
KM 7.5 Jalan Oya,
96400 Mukah, Sarawak.**

